

24 NOV 1999

Mahathir-Pembangkang

PEMBANGKANG SUDAH SEDIAKAN ALASAN KEKALAHAN, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata barisan pembangkang pasti akan tewas pada pilihan raya umum 29 Nov ini dan sedang menyebarkan alasan punca kekalahan mereka.

"Belumpun sampai sampai hari mengundi. Belumpun diketahui siapa yang menang siapa yang kalah mereka sudah menyediakan alasan bagi kekalahan mereka... Inilah sebabnya kenapa saya kata mereka akan tewas," katanya.

Menurut Perdana Menteri parti pembangkang dengan bantuan media asing seperti CNN dan CNBC mendakwa mereka akan kalah kerana berlakunya rasuah serta pelbagai lagi penyelewengan yang dilakukan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya.

"Mereka sedang bersiap sedia bagi kekalahan manakala kita sedang bersiap sedia bagi kemenangan," katanya ketika berucap merasmikan Terminal Senari, terminal pelabuhan air dalam milik Lembaga Pelabuhan Kuching di sini.

"Mereka sudah mula bercakap bahawa pilihan raya ini tidak adil. Akan ada rasuah dan penyelewengan...dan kawan mereka terdiri daripada pemberita dan media asing sudah berkata pilihan raya ini akan menjadi pilihan raya paling korup yang diadakan di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, parti lawan meminta dan bergantung kepada media asing kerana mereka tidak mendapat sokongan daripada rakyat Malaysia sendiri.

Ini sangat jauh berbeza dengan BN yang berbangga dengan kewibawaan dan dengan rakyat dan negara ini sendiri.

"Kita tidak bergantung kepada orang asing. Kita tidak meminta bantuan mereka. Media asing boleh bercakap apa sahaja yang mereka suka terhadap BN. Kita tidak kisah. Kita adalah sebuah negara merdeka dan BN adalah sebuah parti yang bebas yang hanya bekerja untuk Malaysia dan rakyatnya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan memang mengetahui yang media asing berkempen untuk parti pembangkang walaupun sebelum musim pilihan raya lagi.

"Kita tahu mereka benci kepada kita kerana kita tidak mahu tunduk kepada mereka. Kita adalah negara yang merdeka bebas dan sebab itu BN dalam manifesto menyebut bebas sebagai perkara yang utama yang dijunjung oleh BN," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, negara ini perlu terus diterajui oleh kerajaan yang boleh mencetuskan pemikiran-pemikiran baru untuk memajukan rakyat dan memartabatkan maruah negara.

Ada pihak mendakwa pembangunan boleh berlaku dan meningkat mengikut peredaran masa dan sesiapa saja boleh dipilih untuk memerintah, tentu akan membawa pembangunan kepada negara, katanya.

"Tetapi kalau kita perhatikan banyak juga negara membangun yang mempunyai kerajaan tetapi tidak banyak pembangunan...kadang-kadang tidak ada pembangunan sama sekali," katanya

Apa yang diperlukan oleh Malaysia ialah bukan sahaja kerajaan yang dapat menjaga "kedaulatan undang-undang" tetapi juga yang mempunyai idea dan sepanjang masa memikirkan kepentingan rakyat.

"Kerajaan yang cekap meneliti setiap perkembangan dalam segenap bidang termasuk ekonomi, politik dan sosial dan merancang untuk masa hadapan. Inilah tugas kerajaan lebih daripada semata-mata menjaga keamanan," katanya.

Dr Mahathir berkata, ketika BN yang memerintah negara ini dapat

meningkatkan kekayaan negara daripada pendapatan perkapita AS\$300 pada tahun 1957 kepada AS\$4,000 sejak beberapa tahun lepas, kerajaan dapat memastikan inflasi tidak meningkat.

"Tetapi inflasi kita hanya tiga hingga empat peratus sahaja dengan itu kehidupan rakyat tidak terjejas kerana harga barang tidak meningkat lebih tinggi dari pendapatan kita," katanya.

Oleh itu, katanya, rakyat Malaysia menikmati kehidupan yang lebih mewah berbanding dengan rakyat di negara yang mewah kerana walaupun gaji mereka tinggi di negara maju tetapi kos hidup juga tinggi.

Beliau menjelaskan walaupun pendapatan rakyat negara ini rendah berbanding negara lain tetapi kuasa membeli rakyat adalah empat kali ganda lebih tinggi kerana kerajaan berjaya mengawal kos kehidupan.

Oleh yang demikian rakyat jangan tersilap dan terpilih kerajaan yang tidak cekap seperti di Kelantan yang tidak cekap memerintah sehinggakan negeri itu sukar menyediakan bekalan air untuk rakyat.

-- BERNAMA

MT RHM PR